

23/12/2000

Apabila ulama meninggikan suara

Maarop Md Noh

MENGHADIRI tazkirah ketika solat tarawih memang menyeronokkan. Selain menambah dan memperdalam ilmu pengetahuan agama, ia sekali gus mengagungkan bulan Ramadan. Hampir semua masjid dan surau kini membudayakan amalan tazkirah. Dan biasanya penceramah bukan pegawai rasmi masjid atau surau terbabit.

Kebanyakan masjid dan surau berlumba-lumba mengundang penceramah jemputan dengan harapan meningkat dan menyemarakkan lagi mutu tazkirah. Antara penceramah undangan datangnya dari institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Persatuan Ulama Malaysia (PUM) atau hafiz dari beberapa maahad tahfiz tempatan.

Sebagai jemaah generasi tua, peluang mendengar tazkirah yang pelbagai memang ditunggu-tunggu. Ini kerana tazkirah pada setiap empat atau lapan rakaat solat tarawih jarang dipraktikkan oleh generasi yang lalu. Biasanya generasi lalu menyelesaikan solat tarawih, sama ada 20 atau lapan rakaat dengan cepat, kemudian mereka menumpukan perhatian bertadurus al-Quran secara berkumpulan.

Bagaimanapun, kini kerana solat tarawih diselangi tazkirah yang mengambil waktu yang agak panjang, kebanyakan jemaah tidak menyertai majlis tadurus, sebaliknya meninggalkan majlis seusai solat. Justeru, majlis tadurus al-Quran menjadi hambar.

Majlis tazkirah memang bermanfaat. Paling kurang, jikapun jemaah mungkin kurang memahami sesetengah tazkirah, mereka boleh mengenali penampilan dan perwatakan penceramah. Misalnya ramai penceramah menggunakan suara tinggi dan marah-marah walaupun ketika menyampaikan maksud ayat al-Quran atau hadis yang mengajak manusia berbuat baik atau menunaikan amanah Allah di bumi. Mereka seolah-olah menyifatkan semua hadirin tidak mempunyai pendidikan agama atau menganggap pendengar sudah tidak betul amalan dan pegangannya. Lebih malang, ada antara penyampai tazkirah yang menganggap jemaah seperti kumpulan samseng yang perlu dilunakkan.

"Keadaan ini berlainan ketika saya muda dulu. Ketika itu, ceramah di masjid dan surau dijalankan dengan penuh kasih sayang. Tok guru atau ustaz menyampaikan ceramah dengan suara yang lunak dan jika memberi peringatan sekalipun, mereka menggunakan bahasa yang mudah difahami dan tidak marah-marah," kata rakan segenerasi yang duduk bersandar di tepi tiang masjid.

"Tok guru dan ustaz zaman kita dulu mendoakan orang Islam supaya mendapat kesejahteraan dan petunjuk tetapi kini penceramah mendoakan musibah kepada saudara semuslim," katanya memandang kepada saya.

Perbualan kami didengar oleh sekumpulan remaja yang duduk berhampiran. Mereka berkata: "Kami datang untuk solat tarawih dan bukan untuk mendengar kutukan atau tohmahan serta penghinaan. Kami tidak faham mengapa kami ditengking dan diherdik," kata mereka.

Keresahan jemaah terhadap majlis tazkirah yang disampaikan oleh penceramah undangan bukan perkara baru. Ia berlaku antara lima atau enam tahun kebelakangan ini. Pada Ramadan 1999, misalnya, beberapa masjid di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya menggunakan majlis tazkirah solat tarawih untuk kempen parti tertentu.

Tahun ini, walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan supaya tazkirah tidak digunakan untuk mencemuh kumpulan tertentu, masih ada penceramah undangan yang berani mengisytiharkan diri mereka adalah dari parti tertentu dan bersedia untuk ditangkap. Mereka

mencabar jemaah dan pihak berkuasa surau atau masjid membuat laporan ke balai polis. Bagaimanapun, melihatkan jemaah berdiam diri, mereka meneruskan ceramah.

Persoalan timbul, secara umumnya, apakah watak penceramah atau dai dalam Islam. Abul Ala al-Maududi menjelaskan, seorang dai atau penceramah agama mesti menggunakan kebijaksanaan bertutur, tidak menunjuk-nunjuk atau membesarkan diri dan tidak menghina orang lain dan jemaah.

Pandangan Abul Ala al-Maududi ini disokong oleh Syed Qutb dan Hassan al-Bana. Mereka berpendapat, ceramah agama mesti disampaikan dengan penuh kasih sayang dan menghormati jemaah, jiran, suasana, malah tempat berceramah. Paling penting, ceramah agama berbeza dan berlainan sekali sifat dan perwatakannya daripada ceramah politik.

Jika dalam ceramah politik, seorang pemedato boleh menggunakan suara yang keras dan menjerit bagi menarik perhatian umum, tetapi dalam ceramah agama, ia memerlukan kekudusan dan suasana aman.

Penceramah agama yang ulung di Nusantara pada abad ke-20, Prof Dr Hamka, menjelaskan penceramah agama yang baik adalah mereka yang menggunakan bahasa yang lunak kerana kelunakan bahasa itu akan melahirkan kejernihan berfikir seseorang penceramah.

Perkara ini penting kerana falsafah dan praktikaliti agama itu adalah nasihat. Sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud: "Agama itu diasaskan atas dasar nasihat-menasihati." (Riwayat Bukhari). Selain itu al-Quran juga melakarkan ayat berikut: "Serulah manusia kepada jalan Tuhanmu dengan cara berhikmah dan pelajaran yang baik. Bantahlah mereka dengan cara yang baik (juga). Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang yang mendapat petunjuk." (Surah an-Naml: 125)

Berdasarkan ayat di atas, jelaslah penyampaian tazkirah wajar dibuat secara berhikmah dan lemah lembut serta bijaksana. Penyampaian yang menggunakan suara keras atau memaki individu, kumpulan politik tertentu, boleh menimbulkan kesan psikologi yang berat kepada pendengar dan boleh menimbulkan sikap negatif terhadap agama Islam itu sendiri.

Perwatakan kasar dan garang yang ditunjukkan oleh sesetengah penceramah bukan perkara asing lagi sekarang. Mereka menterjemahkan sebuah hadis gharif yang bermaksud "seorang Islam itu mesti menunjukkan sikap yang keras kepada orang lain". Hadis ini biasanya digunakan oleh sesebuah kumpulan untuk mengukuh atau mempertahankan perwatakan dan penampilan kumpulan masing-masing. Tetapi dari segi nilai murni agama, hadis ini selain matannya diragui, juga boleh menyebabkan masyarakat membenci Islam.

Selain itu, jika hadis ini dipraktikkan dalam masyarakat Islam, ternyata ia bertentangan dengan ayat al-Quran bermaksud: "Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang yang bersamanya adalah keras terhadap orang kafir tetapi berkasih sayang sesama mereka. Kamu lihat mereka ruku' dan sujud mencari keredaan Allah, tanda (bekas sujud) mereka jelas pada muka mereka. Demikianlah sifat mereka dijelaskan dalam Taurat dan Injil, ia seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya dan tunas itu menjadikan tanaman itu kuat lalu menjadi besar dan tegak lurus menjadi pokok yang sempurna. Tanaman itu menyenangkan hati petani (penanamnya) kerana Allah hendak menggerunkan hati orang kafir (dengan kekuatan orang mukmin). Allah menjanjikan kepada orang beriman dan mengerjakan amal soleh di antara mereka keampunan dan pahala yang besar." (al-Quran surah al-Fath: 29)

Memang benar sifat ayat ini menginginkan orang mukmin itu sentiasa keras kepada orang kafir tetapi jika kita merujuk kepada sifat Allah, kita akan melihat Allah itu Maha Pengampun, Maha Penyayang, Maha Pengasih, Maha Penyantun, Maha Pemurah dan pelbagai lagi sifat marhamah Allah terhadap hamba-Nya. Justeru, tiada satu pun sifat Allah yang mempunyai konotasi garang dan mengerikan.

Begitu juga sifat Nabi Muhammad tidak pernah menunjukkan atau membawa ke arah kegarangan sehingga boleh menimbulkan kebencian. Semua sahabat baginda adalah pendakwah yang jujur dan lembah lembut. Walaupun Saiyidina Umar Ibnu Khattab digambarkan oleh sesetengah ahli sejarah sebagai seorang yang garang, dia sebenarnya adalah seorang yang penyabar dan pengasih.

Hampir semua kitab sejarah Islam menjelaskan Saiyidina Umar pergi ke sebuah rumah di luar bandar dan membantu satu keluarga miskin, mengangkat guni gandum, memasak serta membelah kayu api. Hasil daripada teladan marhamah inilah Islam berkembang dan kini berjumlah 1.2 bilion di seluruh dunia.

Nabi Muhammad ketika menyampaikan dakwahnya, walaupun keadaan persekitarannya tidak menyebelahnya, tetapi baginda menyampaikan dakwahnya dengan kasih dan sayang. Kehalusan budi dan tutur kata baginda menjadi pemikat yang penting dan menambat hati jemaah. Sifat inilah seharusnya diamalkan oleh pendakwah terkini.

Masalah besar yang dihadapi pendakwah sekarang ialah mereka tidak didedahkan kepada pendekatan ilmu psikologi. Lantaran itu, ada antara mereka yang berasakan lebih pandai dan bijaksana daripada orang lain. Paling malang mereka menganggap diri sudah dilengkapi semua ilmu. Mereka tidak takut akan akibat tidak bertawaduk. Malah, dalam waktu yang sama, mereka tidak menyedari sikap demikian mendedahkan diri mereka kepada perangkap musuh Islam, terutama Yahudi.

Barangkali pendekatan yang diamalkan oleh Luqman al-Hakim seperti yang dijelaskan dalam al-Quran mungkin boleh dipelajari dan dihalusi oleh pendakwah. Luqman memberitahu anaknya: "Janganlah kamu memalingkan muka daripada manusia (kerana sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong lagi membanggakan diri.

"Dan berjalanlah secara sederhana serta lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai (himar)." - (al-Luqman, 18-19).

Begitu juga firman Allah bermaksud: "Hai orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suara melebihi suara Nabi. Dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara yang keras sebagaimana kerasnya (suara) sebahagian kamu terhadap sebahagian lain supaya (dengan itu) tidak hapus (pahala) amalanmu sedangkan kamu tidak menyedari.

"Sesungguhnya orang yang merendahkan suaranya di sisi Rasulullah, mereka itulah orang yang telah diuji hati mereka oleh Allah untuk bertaqwa. Bagi mereka keampunan dan pahala yang besar." (al-Hujuraat, ayat 2-3).

Dalam sebuah ayat lagi, Allah berfirman, maksudnya: "Dan desak dan pujuklah sesiapa yang dapat engkau pujuk dengan suaramu dan kerahlah semua penyokongmu yang berkuda serta yang berjalan kaki untuk mengalahkan mereka. Dan bercampur gaulah dengan mereka dalam menguruskan harta benda dan anak-anak mereka dan janjikanlah mereka dengan janji-janjimu. Pada hal tidak ada yang dijanjikan oleh syaitan itu melainkan tipu daya semata-mata. (al-Israa, ayat 64)

Prof Dr Hamka dalam sebuah ceramahnya di Masjid Negara pada awal 1967, pernah mengingatkan umat Islam supaya tidak mengulangi sifat ganas pemimpin pemerintah Muawiyah dan Abasiah pada kurun ketujuh. Sebaliknya, Hamka mengajak penceramah Islam supaya menyemaikan budaya kasih sayang.

"Kita hendaklah berhati-hati supaya kata-kata tidak terlonjak mengatasi sempadan dan kaki tidak tersandung di banir tembusu. Apabila ulama meninggikan suara, orang ramai akan kecewa," demikian nasihat Allahyarham.

(END)